

09 DEC 2000

Mahathir-Perpaduan

POLITIK DALAM MASJID IALAH MENGENAI PERPADUAN UNTUK HADAPI ANCAMAN MUSUH

LANGKAWI, 9 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan umat Islam bahawa politik di dalam masjid ialah mengenai politik perpaduan orang Islam bagi menghadapi ancaman daripada musuh sebenar.

"Inilah politik orang Islam yang dituntut dan bukan politik kepartian" kata Perdana Menteri sempena majlis berbuka puasa di Masjid Ar Rahman Kampung Gelam, Kedawang di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata politik orang Islam dalam masjid ialah politik perpaduan kerana kita menghadapi musuh yang biasa bunuh orang dan ganas serta begitu kuat dengan tenteranya.

Oleh itu, adalah baik apabila berada di dalam masjid umat Islam membina semangat persaudaraan di kalangan mereka dan merapatkan hubungan hubungan tanpa mengira sama ada seseorang itu daripada parti lawan atau kerajaan.

"Al-Quran tidak menyebut bahawa orang Islam yang ada parti mesti berlawan atau berkelahi dengan orang parti lain. Politik sesebuah parti ialah kita boleh berhujah mengenai suatu matlamat untuk mendapatkan sokongan", katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berharap umat Islam tidak mudah terpengaruh dengan golongan tertentu yang cuba memecahbelahkan perpaduan.

"Jika berbuat demikian, kita telah tolak sebahagian yang besar dari ajaran Islam iaitu orang Islam mesti bersatu dan dengan itu dapat menjadi kuat serta menyelamatkan diri dari musuh Islam, bukan dengan orang Islam, yang begitu ganas yang ingin menguasai kita", tegasnya.

Perdana Menteri berkata dalam membuat ibadat, tak ada perbezaan seorang umat Islam sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah dan oleh itu adalah baik apabila berada dalam masjid, umat Islam cuba merapatkan hubungan sesama mereka.

"Dalam masjid kita bersatu kerana politik orang Islam ialah politik perpaduan untuk menghadapi musuh yang nak menyerang walaupun kali ini dia gagal menakluk kita", katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam sentiasa disuruh bersatu padu kerana jika gagal mereka akan terus ditindas.

Dr Mahathir juga meminta umat Islam supaya turut menjemput orang bukan Islam ke majlis berbuka puasa supaya mereka dapat melihat cara orang Islam beribadat.

"Dengan cara ini, mereka dapat melihat cara-cara orang Islam beribadat dan tidak ada perkara-perkara pelik yang dilakukan oleh kita, berjumpa bergaul dan beramah mesra, kita sembahyang, berbuka, sembahyang terawih dan mereka dapat melihat", katanya.

Dengan ini mereka tidak akan terpisah daripada orang Islam kerana ini juga menyumbang kepada keamanan dalam negara, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata dengan ini apabila mereka sanggup bergaul dan melihat cara-cara kita beribadat mereka dapat mengetahui Umat Islam bukan menentang mereka tetapi beribadat kepada Tuhan.

"Sebenarnya di Malaysia, kita amat bertuah kerana menunaikan ibadat sama ada mengerjakan sembahyang terawih dan berpuasa tanpa rasa takut berbanding negara lain", kata beliau.

Dr Mahathir berkata di negara lain yang mempunyai pelbagai kaum sering berlaku rusuhan kerana tidak ada perpaduan dan usaha merapatkan orang Islam sesama Islam.

Dalam pada itu, tidak ada usaha untuk merapatkan orang Islam dan bukan Islam supaya mereka tidak merasa terlalu terasing dan mengganggu apa yang

kita lakukan di masjid ini sebagai suatu yang mempunyai tujuan tidak baik.

Dr Mahathir juga mengingatkan umat Islam bahawa tujuan berjamaah di masjid ialah untuk merapatkan hubungan supaya dengan cara ini ia memberi kekuatan untuk menangkis segala ancaman dan serangan terhadap negara ini.

Katanya fungsi sebenar masjid tidak patut disalahgunakan kerana ia merupakan tempat menjalin perhubungan yang baik supaya dengan itu sesama umat Islam merasa mesra dengan jiran dan orang lain di kampung-kampung seluruh negara.

Umat islam dituntut menjalin hubungan dengan sesama umat di seluruh dunia atas semangat persaudaraan dan semangat itu yang telah mendorong Malaysia menghantar tentera ke Bosnia.

Dr Mahathir juga meminta umat Islam supaya tidak mengatakan seorang Islam lain sebagai tidak Islam semata-mata kerana perbezaan pendapat sesama mereka.

Beliau juga mahu tuduhan seperti itu tidak dilemparkan terhadap orang Islam yang lain semata-mata kerana tidak dapat mengerjakan ibadat seperti berzakat, berpuasa atau sembahyang tanpa mengetahui sebab sebenarnya.

"Kalau seseorang itu menolak Rukum Islam seperti mengatakan sembahyang itu karut, macam itu baru kita menjadi kafir", katanya.

-- BERNAMA

NH FAZ